

01/07/1999

Penuntut perlu nilai tujuan sertai politik: GPMS

KUALA LUMPUR, Rabu - Penuntut institusi pengajian tinggi awam (IPTA) perlu menilai semula tujuan sebenar pembabitan mereka dalam politik dan bukan hanya terikut-ikut rentak parti pembangkang.

Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Datuk Suhaimi Ibrahim, berkata tanpa pemahaman asas itu mereka mudah hilang pertimbangan dan terpengaruh dengan perlakuan ganas pelajar seperti di Korea Selatan dan Indonesia.

Katanya, pembabitan dalam politik bukan untuk menentang kerajaan semamata, sebaliknya bagi membina keperibadian diri untuk menjadi rakyat yang prihatin terhadap kesejahteraan negara.

Beliau mengulas teguran Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam mengenai pelajar Melayu di IPTA kerana lebih mementingkan agenda politik 'mentah' sehingga mengabaikan pelajaran.

Menurut Perdana Menteri, beliau kesal kerana ramai pelajar Melayu lebih cenderung menentang kerajaan daripada menggunakan peluang yang disediakan untuk mencapai kejayaan dalam pengajian mereka.

Katanya, perlakuan sebilangan pelajar ketika majlis Debat Perdana Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) 1999 awal bulan ini juga menunjukkan mereka berfikiran dangkal serta ketandusan nilai keilmuan dan peradaban.

Sementara itu, Naib Presiden Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya, Ahmad Sabri Kassim, berkata pembabitan dalam politik bukan penyebab seseorang penuntut gagal dalam pengajiannya.

Katanya, faktor lain seperti persekitaran dan keadaan semasa masyarakat yang semakin pincang menjurus penuntut khususnya mereka yang mengasingkan diri atau tidak menyertai mana-mana persatuan, untuk bertindak liar.

Pendapat itu turut dikongsi Presiden Persatuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia, Faizal Mahamud, yang mahu pihak berkuasa mendengar serta menghormati pandangan penuntut.

(END)